

Cadangan Syed Hamid perlu dikaji

Oleh Wan Razman Juraimi **11 April 1997**

KAJANG, Rabu — Cadangan untuk membolehkan Peguam Negara menjadi Presiden Majlis Peguam adalah perlu berikutan tindakan negatif segelintir ahlinya sehingga menyebabkan badan itu dipandang sebagai parti politik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, cadangan itu juga bukan perkara baru kerana ada negara yang melantik menteri Kabinetnya sendiri menerajui Majlis Peguam.

"Ada negara, termasuk England, yang majlis peguamnya diketuai menteri Kabinet dan banyak negara pula yang peguam negara menjadi pengerusi majlis itu, dan di negara ini, dahulu pun memang Peguam Negara mengetuai majlis peguam," katanya kepada pemberita selepas menghadiri hari keluarga kawasan perumahan Country Heights di sini.

Ditanya sama ada beliau menyokong cadangan itu, Perdana Menteri ber-

kata, ia memerlukan kajian mendalam sebelum dilaksanakan.

"Saya terpaksa bincang dulu dengan rakan-rakan dalam Kabinet," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Kehakiman, Syed Hamid Albar di Parlimen semalam bahawa kerajaan mungkin meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 untuk membolehkan Peguam Negara dilantik sebagai

pengerusi Majlis Peguam.

Menurut Syed Hamid, orang ramai dan pengubal undang-undang meminta diadakan lebih banyak peruntukan dalam akta itu bagi menjadikan Majlis Peguam lebih profesional.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, orang ramai tidak puas hati dan hilang kepercayaan terhadap badan itu, yang antara lain, tidak bertindak segera terhadap ahlinya yang terbabit dengan penyelewengan.

Sebaliknya, kata Datuk Seri Dr Mahathir, Majlis Peguam pula bertindak mempertahankan ahlinya, walaupun pada hakikat sebenarnya, mereka terbabit melakukan penyelewengan dan penipuan.

Perdana Menteri menegaskan demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Kehakiman, Syed Hamid Albar di Parlimen semalam mengenai cadangan melantik Peguam Negara sebagai Presiden Majlis Peguam.